

BERITA HARIAN

DATE: 11/6/2010

BH - 11/06/2010

Bantu usahawan Bumiputera ikut meritokrasi

KERAJAAN akan hanya menyokong usahawan Bumiputera tulen, berkelayakan mengikut meritokrasi dan berpotensi bersaing di pasaran terbuka menerusi pelaksanaan transformasi agenda pembangunan Bumiputera negara.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pendekatan baru tanpa kuota itu bertujuan untuk mencapai sasaran terdahulu iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti korporat Bumiputera.

"Pendekatan berbeza yang mengambil kira situasi pasaran terbuka ini untuk membangunkan usahawan Bumiputera yang antara lain kriterianya adalah mempunyai merit, rekod baik, berkemahiran dan bukan mereka yang berpaut pada orang

lain atau usahawan Ali Baba.

"Mulai sekarang, meritokrasi menjadi asas transformasi ini bagi mengelak ketirisan, gagal mencapai matlamat dan tidak bertahan lama," katanya di lobi Parlimen, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai agenda pembangunan Bumi-

“Mulai sekarang, meritokrasi menjadi asas transformasi ini bagi mengelak ketirisan, gagal mencapai matlamat dan tidak bertahan lama”

Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri

putera yang akan diberi penekanan selaras konsep pertumbuhan dengan pengagihan berikutan persekitaran ekonomi global dan domestik yang lebih mencabar bagi mewujudkan penyertaan syarikat Bumiputera yang berdaya saing dan berdaya maju.

Pendekatan baru ini akan berasaskan kepada empat prinsip utama, iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, merit dan ketelusan.

Syarikat Bumiputera berpotensi yang membuktikan kebolehan serta kewibawaan akan disokong untuk maju ke tahap yang lebih tinggi selaras dengan hasrat kerajaan supaya syarikat-syarikat ini dapat merealisasikan kemampuan mereka secara optimum.

Muhyiddin berkata, lang-

kah yang diambil ini juga bagi mengurangkan jurang pembangunan antara masyarakat Bumiputera dan bukan Bumiputera sama ada di Semenanjung dan Sabah serta Sarawak.

Mengenai penubuhan majlis peringkat tertinggi untuk merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan agenda pembangunan Bumiputera yang diketuai perdana menteri, beliau berkata, langkah seumpama itu supaya pembangunan sektor tertentu dapat dicapai.

Berkaitan Talent Corporation untuk menarik lebih ramai tenaga kerja mahir ke negara ini, katanya, strategi akan diatur untuk membawa pulang 700,000 rakyat Malaysia di luar negara dan membantu dalam pembangunan negara.